

20/03/1997

Dr Mahathir ke Arab Saudi

KUALA LUMPUR, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas ke Arab Saudi Jumaat ini untuk menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal 1997 - Khidmat Untuk Islam.

Beliau akan diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, majlis penyampaian anugerah itu akan diadakan di Dewan Persidangan, Pusat Al-Khozamah di Riyadh, Sabtu ini.

Dr Mahathir dipilih sebagai pemenang anugerah itu kerana sumbangannya kepada Islam. - Bernama

(END)